

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan berapakah jumlah aduan yang telah diterima melalui aplikasi Ez ADU KPDNKK dan berapa lamakah tempoh masa yang ditetapkan untuk respons terhadap aduan yang telah dibuat.

JAWAPAN:**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sejumlah 2,680 aduan telah diterima oleh Kementerian melalui aplikasi Ez ADU KPDNKK bagi tempoh sehingga 9 Oktober 2017. Aduan-aduan yang diterima melalui aplikasi tersebut akan diproses dan pengadu akan diberikan maklum balas dalam tempoh antara 1 hari hingga 21 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan, mengikut tahap kompleksiti aduan tersebut.